

UMNO Cheras, Jelebu mahu calonkan Rais

UM - 3 JAN 2000

KUALA LUMPUR 2 Jan. — UMNO bahagian Cheras dan Jelebu hari ini menyatakan komitmen untuk mencalonkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan UMNO kali ini.

Pengumuman itu menjadikan Cheras dan Jelebu sebagai dua bahagian UMNO yang pertama berbuat demikian sehari selepas Rais menyatakan kesediaannya merebut jawatan berkenaan.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Syed Ah Alhabshee berkata, keputusan itu adalah hasil rundingan barisan pimpinan bahagiannya setelah Rais sendiri menyatakan

hasrat untuk bertanding mengisi satu daripada tiga kerusi Naib Presiden.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat berdasarkan komitmen dan kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap Dr. Rais bertanding dalam pilihan raya Parlimen kawasan Jelebu dan pelantikannya semula ke dalam barisan kabinet.

"Kekosongan dua jawatan Naib Presiden juga mendorong UMNO bahagian Cheras membuat pilihan mahukan Rais mengisi satu daripada dua kekosongan tersebut.

"Dua jawatan Naib Presiden dikosongkan oleh bekas Menteri Besar Selangor, Tan

Sri Muhammad Muhd. Taib yang masih bercuti dari jawatan dan kekosongan yang ditinggalkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri," kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Selain Rais, anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, telah menyatakan beliau sedia bertanding jawatan itu manakala Tan Sri Muhyiddin Yassin dikatakan akan membuat pertimbangan.

Dalam kenyataannya, Syed Ah juga memberitahu, UMNO bahagian Cheras ju-

ga menyokong cadangan supaya pemilihan UMNO yang dijadualkan bulan Jun akan datang diadakan lebih awal bagi mengurangkan amalan main politik dalam parti itu.

Beliau juga menyarankan agar calon-calon tidak berkempen kerana bahagian-bahagian UMNO boleh menilai prestasi dan komitmen orang yang dicalonkan.

Di Jelebu, Ketua UMNO Bahagian Jelebu, Yunus Rahmat berkata, bahagiannya sebulat suara menyokong Rais kerana yakin dengan kredibilitinya yang cukup cemerlang untuk menerajui pucuk pimpinan UMNO pada masa akan datang.

"UMNO Bahagian Jelebu berpendapat pencalonan Rais untuk jawatan itu adalah tepat kerana kita yakin beliau mempunyai kemampuan untuk menerajui jawatan tersebut.

"Kami berharap UMNO bahagian lain juga akan bersetuju dengan pencalonan Rais nanti," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga hari ini.

Dalam pada itu, Rais yang turut ditemui pada majlis berkenaan berkata, adalah terlalu awal bagi beliau untuk membuat sebarang keputusan dalam tempoh terdekat ini.

"Dalam konteks ini, saya akan mempertimbangkan sekiranya ada bahagian yang mencalonkan saya," katanya.